



PERATURAN

&

TATATERTIB

ASRAMA

PERATURAN DAN TATATERTIB ASRAMA

KOLEJ ASTIN 2013

BHGN	PERKARA	MUKA SURAT
I	: DEFINISI, TERMA & SINGKATAN	2
II	: PERATURAN AM	3 – 6
II	: TATATERTIB & PERKARA-PERKARA YANG DILARANG DI ASRAMA	6 –10
IV	: PERATURAN TATATERTIB ASRAMA (PETIKAN DARI AUKU 1971)	11
V	: PERATURAN KECEMASAN	12

BAHAGIAN I

DEFINASI, TERMA & SINGKATAN

1. Buku ini dinamakan **Peraturan & Tatatertib Asrama Kolej Astin (KA)**.
2. **‘Asrama’** ertinya kawasan yang mengandungi apa-apa perumahan, baik apa pun dinamakan, yang disediakan oleh Kolej Astin, untuk kediaman pelajar.
3. **‘Pelajar’** ertinya seseorang pelajar berdaftar dengan Kolej Astin, secara sah.
4. **‘Penhuni’** ertinya seorang pelajar berdaftar yang menghuni di dalam sesebuah asrama Kolej Astin secara sah.
5. **‘Warden’** ertinya pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan mengawasi asrama Kolej Astin.
6. **MPP** adalah singkatan bagi Majlis Perwakilan Pelajar.
7. **‘Orang Luar’** membawa maksud berikut:
 - a. Pihak luar yang tidak ada perhubungan kekeluargaan dengan penghuni / pelajar samaada jantina yang sama atau tidak sama jantina.
 - b. Pelajar KA yang tinggal di rumah / kediaman persendirian (bukan di bawah sewaan KA) dan berlainan jantina.
 - c. Ibubapa / Penjaga yang mempunyai hubungan kekeluargaan.
 - d. Adik-beradik, sepupu, dua pupu atau seumpamanya yang mempunyai pertalian kekeluargaan

BAHAGIAN II

PERATURAN AM

1. Syarat Mendiami Asrama KA.
 - 1.1 Pemohon boleh mendapatkan **Borang Permohonan Asrama (UA 001)** dari Unit Asrama KA di Lobi KA.
 - 1.2 Setiap borang hendaklah diisi dengan lengkap dan bertandatangan pemohon.
 - 1.3 Penempatan pelajar berkonsepkan kongsi bilik. Yuran penginapan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak KA iaitu:
 - 1.3.1 Deposit Penginapan (*Seperti dinyatakan dalam Borang UO 001*)
 - 1.3.2 Yuran Dua Semester/Tahun (*Seperti dinyatakan dalam Borang UO 001*)
2. Penempatan Pelajar
 - 2.1 Penentuan asrama, bilik, dan jenis asrama bagi seseorang pelajar adalah ditentukan oleh Unit Asrama dan mendapat sokongan dari Bahagian Pembangunan & Hal-Ehwal Pelajar (PHEP).
 - 2.2 Setelah diperuntukkan sesebuah bilik, penghuni tidak boleh berpindah ke bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Unit Asrama.

- 2.3 Unit Asrama boleh mengarahkan seseorang penghuni mengosongkan bilik atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa.
- 2.4 Jika seseorang penghuni dikehendaki berpindah dan/atau mengeluarkan semua barang kepunyaannya, ia hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang diberi.
3. Setiap penghuni adalah bertanggungjawab terhadap semua kemudahan yang disediakan dan memastikan bahawa kemudahan tersebut berada dalam keadaan baik sehingga tamat tempoh kediamannya.
4. Setiap penghuni hendaklah **membawa bantal, sarung bantal serta cadar mereka sendiri**. Setiap tilam yang disediakan hendaklah di atas dengan cadar.
5. Perbuatan **menukar kunci bilik adalah tidak dibenarkan** sama sekali tanpa mendapat kebenaran Unit Asrama. Sekiranya terdapat pelajar berbuat demikian, pihak pengurusan akan menggantikan kunci bilik tersebut manakala kos penggantian akan dibayar oleh penghuni.
6. Setiap penghuni hendaklah **bertanggungjawab** sepenuhnya dalam memastikan keselamatan terhadap barangan masing-masing. Pihak KA tidak akan melayan sebarang tuntutan ke atas kehilangan, kecurian dan kerosakan barangan milik pelajar di asrama.
7. Seseorang penghuni hendaklah menggunakan premis asrama KA dengan cermat dan sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan kepada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau kepada apa-apa benda atau kelengkapan di dalamnya.
8. Dalam menggunakan premis asrama KA dan kemudahan di dalamnya, seseorang penghuni hendaklah memastikan supaya ia tidak menyebabkan apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.
9. Penghuni hendaklah berjimat cermat menggunakan air dan elektrik.
10. Penghuni bertanggungjawab mengemaskan bilik masing-masing dan menentukan segala kelengkapan serta pakaian tersusun rapi. Pakaian tidak boleh disangkutkan di tingkap.
11. Setiap penghuni dikehendaki membayar ganti rugi ke atas apa-apa harta KA yang hilang, musnah atau rosak yang ia bertanggungjawab yang berpunca dari kecuaian penghuni sendiri. Sebagai tambahan, tindakan tatatertib juga boleh dikenakan.
12. Penghuni adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap diri dan harta bendanya.
13. Peraturan Semasa Cuti Semester:
- 13.1 Setiap penghuni dikehendaki mengisi **Borang Tinggal Asrama Semasa Cuti Semester (UA 002)** bagi memudahkan pihak pengurusan memantau dan memastikan keselamatan penghuni yang tinggal dapat dikawal.
- 13.2 Unit Asrama tidak bertanggungjawab atas sebarang harta benda persendirian yang ditinggalkan semasa cuti.
- 13.3 Pihak Unit Asrama berhak menetapkan bilik / asrama untuk diduduki oleh penghuni.
14. Pertukaran Asrama / Bilik
- 14.1 Penghuni yang ingin memohon untuk bertukar asrama / bilik boleh berbuat demikian dengan mengisi **Borang Permohonan Pertukaran Asrama / Bilik (UA 003)** dan tertakluk kepada kelulusan Unit Asrama.

- 14.2 Penghuni yang didapati bertukar bilik tanpa kebenaran pengurusan asrama akan disingkirkan dari asrama.

15. Notis Berhenti / Keluar Asrama & Wang Deposit

- 15.1 Penghuni yang ingin berhenti atau keluar dari asrama hendaklah mengisi **Borang Notis Berhenti / Keluar Asrama (UO 004)**.
- 15.2 Notis Berhenti / Keluar Asrama hendaklah diserahkan kepada Unit Asrama dalam tempoh **Dua (2) Bulan** sebelum semester berakhir. Kegagalan berbuat demikian, deposit penginapan tidak akan dikembalikan dan yuran penginapan tidak akan dikembalikan. Penghuni yang gagal memberikan notis tersebut akan dikehendaki membayar yuran asrama bagi bulan berikutnya sebelum keluar.
- 15.3 Wang deposit asrama sepenuhnya akan dikembalikan kepada pelajar setelah Unit Asrama berpuashati di mana penghuni telah memenuhi syarat-syarat berikut:
- 15.3.1 *Memberikan notis dua bulan sebelum semester berakhir 5*
 - 15.3.2 *Menyerahkan kunci bilik tanpa ada mengubahsuai kunci bilik tersebut.*
 - 15.3.3 *Tiada sebarang kerosakan / kecacatan atau kehilangan peralatan dan harta milik asrama KA.*
 - 15.3.4 *Semua barangan penghuni telah dikeluarkan dari asrama / bilik, manakala asrama / bilik telah dikemaskan dan dianggap bersih oleh unit asrama.*

BAHAGIAN III

TATATERTIB & PERKARA-PERKARA YANG DILARANG DI ASRAMA

1. Tiada seseorang boleh memasuki bilik atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh seseorang penghuni kecuali penghuni itu sendiri.

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah dipakai bagi seseorang pegawai, pekerja atau wakil KA yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya, atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Unit Asrama.

Dan selanjutnya dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang penghuni dari jantina yang sama untuk lawatan bagi maksud sosial yang biasa.
2. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab penghuni untuk memastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (1) dipatuhi dengan sewajarnya.
3. Seseorang penghuni tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau wakil KA dari memasuki bilik penghuni itu dan menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab di dalam bilik itu.
4. Seseorang penghuni selepas tengah malam, tidak boleh berada di luar asrama kecuali dengan kebenaran Warden. Penghuni yang ingin keluar dari asrama dan akan balik lewat mestilah mendapatkan kebenaran daripada warden demi keselamatan penghuni.
5. Selepas tengah malam, kecuali penghuni berdaftar dalam asrama masing-masing, **tiada seorang penghuni lain atau orang luar boleh berada dalam asrama tersebut.**

6. Penghuni adalah dilarang sama sekali membawa masuk **“orang luar”** ke dalam asrama tanpa kebenaran rasmi dari warden bertugas.
7. Penghuni / pelajar yang melakukan perbuatan sumbang (*seperti berdua-duaan lelaki dan perempuan, berkhawat, berzina atau sebarang bentuk perbuatan yang mencurigakan*) di asrama akan dikenakan tindakan tatatertib yang keras. **Sila rujuk Bahagian I Para 7, bagi definisi dan terma bagi maksud “orang luar”.**
8. Hanya orang luar berstatus **ibubapa** sahaja yang dibenarkan masuk ke asrama tetapi dengan syarat mendapat kebenaran dari warden bertugas.
9. Keadaan senyap hendaklah diwujudkan di asrama dan di kawasan sekelilingnya di antara jam 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi. *‘Headphone’* atau *‘earphone’* hendaklah digunakan untuk mendengar radio pada waktu tersebut. **Berbual bising yang boleh mengganggu penghuni lain** adalah ditegah pada sebarang masa.
10. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan badan atau kumpulan pelajar boleh mengatur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam mengatur, mengurus, menjalankan atau menyertai apa-apa judi, pertarungan atau loteri dalam asrama. **Sebarang bentuk perjudian adalah diharamkan** sama sekali di kawasan asrama.
11. Tiada seseorang penghuni boleh ada dalam milik atau di bawah jagaannya atau kawalannya **apa-apa bahan lucuh** di dalam asrama.

Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagi, mengedar atau mempamerkan atau menyebabkan dibahagi-bahagi, diedar atau mempamerkan atau dipamerkan atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam membahagi, mengedar atau mempamerkan, apa-apa bahan lucuh di dalam Kolej, seseorang penghuni adalah disifatkan sebagai membahagi-bahagi, mengedar atau mempamerkan sesuatu bahan lucuh, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pameran itu adalah untuk mendapat bayaran atau apa-apa balasan lain. Tiada seseorang penghuni boleh dengan sengaja melihat atau dengan sengaja mendengar apa-apa bahan lucuh di asrama.
12. Tiada seseorang boleh meminum atau ada dalam miliknya atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa **minuman keras** dalam asrama.

Seseorang penghuni yang didapati dalam keadaan mabuk akibat dari meminum minuman keras adalah bersalah dan boleh dikenakan tindakan.
13. Tiada seseorang penghuni boleh **memiliki, mencetak, menerbit, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen atau bahan bercetak berbentuk hasutan, propaganda, subversif atau apa-apa jua dokumen atau bahan bercetak yang boleh mengancam keselamatan negara** dalam asrama.

Seseorang penghuni yang didapati melanggar arahan ini adalah bersalah dan boleh dikenakan tindakan.
14. Pelajar adalah sama sekali dilarang membawa **makanan tidak halal di sisi agama Islam** ke dalam asrama.
15. Tiada seseorang penghuni boleh ada dalam miliknya atau bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa **dadah atau racun**.
16. **‘Ragging’** dalam segala bentuk apapun adalah dilarang sama sekali. Permainan yang membahayakan seperti membaling *‘waterbomb’*, mercun dan bunga api dan sebagainya adalah juga dilarang dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
17. Segala jenis **penampalan seperti gambar, poster, nota-nota kuliah dan sebagainya** di dalam atau di luar bangunan dan juga kawasan asrama adalah dilarang sama sekali.

Perbuatan menconteng atau melukis pada sebarang harta benda KA termasuk dinding, tembok, pintu dan lain-lain adalah dilarang sama sekali.

Pihak KA berhak melakukan pemeriksaan bilik pelajar dan harta benda KA pada bila-bila masa.

18. Penghuni dikehendaki mematuhi peraturan pemakaian sepertimana yang terkandung dalam **Kod Etika Berpakaian & Penampilan Pelajar KA**.
19. Penghuni adalah dilarang mengeluarkan apa-apa perintah ataupun arahan kepada mana-mana kakitangan yang bertugas di asrama.
20. Penghuni dilarang berbahasa kesat dan kasar atau lucah.
21. Penghuni mestilah sentiasa **berkelakuan baik, beradap sopan, bertanggungjawab dan memelihara maruah dan tatatertib** sesuai dengan taraf pelajar kolej / universiti.
22. Penghuni dikehendaki **berpakaian kemas dan sopan** semasa berada di sekitar asrama atau di luar asrama sepertimana yang terkandung di dalam Peraturan Berpakaian KA.
23. Kasut hendaklah disimpan dan disusun kemas di dalam bilik penghuni. Menyimpan / menyusun kasut di luar bilik penghuni hanya dibenarkan di rak kasut yang disediakan.
24. Penghuni yang didapati menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh KA akan dikenakan tindakan tatatertib.
25. Pelajar adalah **dilarang merokok** dalam bangunan asrama dan mana-mana kawasan larangan merokok.
26. Semua peralatan elektrik hendaklah didaftarkan di pejabat Unit Asrama.
27. Pelajar/Penghuni **tidak boleh terlibat dalam sebarang perniagaan** tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Warden atau Pengarah Tadbir Urus Korporat atau Pengarah Pembangunan & Hal-Ehwal Pelajar (PHEP).
28. Pihak KA dari semasa ke semasa memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, suruhan atau arahan yang difikirkan perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib dalam asrama dan perintah, suruhan atau arahan itu boleh pada amnya mengenai semua pelajar atau sesuatu golongan atau jenis pelajar atau seseorang pelajar dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang diberi perintah, suruhan atau arahan itu mematuhi dan melaksanakannya.
29. Tindakan tatatertib sepertimana terkandung di dalam **Akta Universiti Dan Kolej Universiti, 1971** akan dikenakan kepada semua penghuni yang melanggar peraturan asrama KA.

BAHAGIAN IV

PERATURAN KESELAMATAN

1. Penghuni adalah dikehendaki memastikan pintu dan tingkap bilik masing-masing sentiasa berkunci apabila meninggalkan bilik.
2. Penghuni yang ingin menggunakan peralatan elektrik selain dari yang dibenarkan hendaklah memohon kepada Unit Asrama dan bayaran pendaftaran barangan elektrik akan dikenakan (*tertakluk kepada arahan Unit Asrama*).
3. Penghuni-penghuni tidak dibenarkan memasak di dalam bilik. Memasak hanya dibenarkan di tempat yang disediakan sahaja.

4. Pelajar juga dilarang sama sekali membawa peralatan elektrik ke dalam bilik asrama seperti oven, dapur gas, tong gas, peti sejuk dan sebagainya bagi tujuan keselamatan. Setiap barangan di atas yang ditemui akan diambil oleh pihak asrama.
5. Pembakaran mercun, bunga api dan sampah sarap adalah dilarang sama sekali.
6. Untuk tujuan keselamatan dan mengelak dari berlakunya kebakaran, semua penggunaan alat-alat untuk upacara keagamaan seperti kemenyan, colok dan apa sahaja peralatan yang melibatkan pembakaran adalah dilarang sama sekali penggunaannya di asrama.
7. Penggunaan '*heater bergelung*' (*immersion*) untuk memasak air adalah dilarang.
8. Penghuni tidak dibenarkan merosak, menyusup atau memanjat pagar atau bangunan.
9. Penghuni-penghuni hendaklah mematuhi peraturan mencegah kebakaran dan mana-mana peraturan yang dikeluarkan mengenainya.
10. Kenderaan/motosikal dan basikal yang disimpan di tempat-tempat yang disediakan hendaklah sentiasa dikunci dengan selamat.

BAHAGIAN V

Peraturan Tatatertib Asrama (Cabutan dari Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971)

1. Tiada seorang pun boleh memasuki atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh seseorang pelajar. Perenggan ini tidak terpakai bagi seorang Pegawai, pekerja dan agen Kolej / Universiti yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh Pengarah atau bagi pihak Pengarah.
2. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab seseorang pelajar menetap memastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (1) dipatuhi bagi bilik yang diduduki olehnya. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang dan menahan seseorang pegawai, pekerja atau ejen Kolej / Universiti daripada memasuki bilik pelajar, menetap dan menjalankan tugas-tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.
3. Seseorang pelajar yang tinggal di sesuatu Kolej Kediaman adalah tertakluk kepada budibicara dan kuasa mutlak Kolej / Universiti.
4. Kolej / Universiti boleh jika menghendaki seseorang pelajar menetap, mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh kolej / universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

BAHAGIAN VI

PERATURAN KECEMASAN

1. Peraturan Kebakaran

- 1.1 Sekiranya berlaku kebakaran, penghuni yang mula-mula sekali melihatnya hendaklah memberitahu Pengawal Keselamatan bangunan atau Warden atau pihak keselamatan yang berdekatan dengan segera.
- 1.2 Alat penggera kebakaran perlu di bunyikan.
- 1.3 Penghuni asrama perlu keluar daripada bilik masing-masing dan berkumpul di tempat yang selamat.

Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

<i>Diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan & Hal-Ehwal Pelajar (PHEP) Edisi 2013</i>
